

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Rabu, 3 Mac 2021 10:46 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HALA TUJU KERJAYA ISLAMIC FINANCIAL PLANNER (IFP) HOLDER



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 MAC 2021 / 19 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Muhamad Abrar Bahaman
Gambar oleh: IBS

HALA TUJU KERJAYA ISLAMIC FINANCIAL PLANNER (IFP) HOLDER

**HALA TUJU KERJAYA
IFP 'HOLDER'**

25 FEBRUARI 2021 • KHAMIS • 9.00 MALAM • WEBEX PLATFORM

**Mohd Nor Amin
(AFPM, IFP)**
Agency Director
FWD Takaful Berhad
Caliph Group

**Jamsari bin Samad
(AFPM, IFP CQIF)**
Group Agency Manager
Principal Assets
Management Bhd
Assalihin Trustee Bhd

Sembang Santai ▶

Webex

NH

AI

UUM ONLINE: Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) menerusi Jawatankuasa Wealth Islamic Business School sekali lagi menganjurkan program Sembang Santai Hala tuju Kerjaya IFP Holder melalui aplikasi Webex, baru-baru ini.

Seramai 92 peserta termasuk pelajar dan pemain industri dalam bidang Kewangan Islam telah menyertai sesi yang menampilkan Group Agency Manager, Principal Assets Management Bhd, As Salihin Trustee Bhd, Jamsari Samad dan Agency Director, FWD Takaful Berhad dan Caliph

Group, Mohd Nor Amin Mohamad Sukeri yang mana masing-masing merupakan alumni IFP-CS IBS IBFIM.

"Pertama, tanya pada diri, apa impian anda. Kedua, perlu adanya mentor sebagai rujukan perkembangan ilmu. Ketiga, jangan takut untuk buat kesilapan dan teruskan berkongsi ilmu yang dipelajari kepada orang ramai. Ketahui kaedah 'Law of Attraction'," kata Jamsari yang berkongsi kekuatan pembinaan yang perlu ada pada seseorang ialah kemahiran komunikasi dan pentingnya dalam menjaga adab kepada guru yang memberikan ilmu.

Sementara itu, Mohd Nor Amin menegaskan perkara penting yang perlu ada pada diri seseorang iaitu pemikiran yang betul dan sikap.


"Dua kemahiran yang membantu anda ialah kemahiran penulisan (copywriting) dan percakapan. 'Don't work to earn but work to learn'.

"Membina jaringan perhubungan amat membantu seseorang itu dalam kerjaya ini," katanya.

Sembang santai ini berakhir selepas sesi soal jawab. Untuk penyertaan program IFP-CS ini boleh hubungi Pengarah I-Wealth IBS, Dr. Muhamad Abrar Bahaman di talian 04-928 6729.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.